



PETUGAS media diberi penerangan oleh wakil MRT Corp di Stesen Pasar Seni, semalam.

Harian Metro, 9 July 2014

MRT Corp nafi projek penyebab banjir

Kuala Lumpur: MRT Corp semalam menafikan dakwaan banjir kilat yang kerap berlaku di Jalan Sultan dan Jalan Petaling, di sini berpunca daripada pembinaan dua stesen Mass Rapid Transit (MRT) berdekatan.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awamnya Amir Mahmood Razak sebaliknya menjelaskan banjir itu mungkin berpunca akibat sistem peparitan awam tersumbat dengan mendapan, mungkin daripada tapak binaan lain bersebelahan tapak binaan MRT.

"Longkang yang mengalirkan air semasa hujan lebat, dipenuhi mendapan dan

keladak dengan kebanyakannya hanya mengalirkan air pada kapasiti satu pertiga akibat purata dua pertiga longkang dipenuhi mendapan yang menyekat aliran air," katanya selepas tinjauan media kira-kira dua jam di tapak pembinaan stesen MRT Merdeka dan Pasar Seni di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Perhubungan Awam dan Komunikasi MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) Dr Bhavani Krishna Iyer dan beberapa wakil MGKT.

Amir berkata, baru-baru ini beberapa individu mendakwa tapak binaan MRT merupakan punca masalah banjir di kawasan itu, ter-

masuk ada individu menerusi twitter mendesak pihak MRT menjawab dakwaan itu.

Dalam perkembangan sama, Dr Bhayani menegaskan tapak stesen MRT Merdeka terletak di tapak lebih tinggi dan bercerun menurun ke arah Jalan Hang Tuah dan bukannya ke arah Jalan Petaling dan Jalan Sultan, dengan itu tidak mungkin air dari tapak itu akan mengalir ke jalan berkenaan dan menyebabkan banjir.

"Sementara, tapak Pasar Seni teletak di bahagian bawah cerun di lokasi bertentangan iaitu tempat berlakunya banjir," katanya. - BERNAMA



(val Semasa)
(u dan Rencana)
(asi Media)

Anda ada maklumat menarik?

Hubungi wartawan kami di talian berikut:

- Balai Berita Bangsar..... 1-300-22-NSTP [6787]
- Shah Alam..... 03-7845 2505
- Putrajaya..... 03-8881 1903